



安裕資源有限公司

**ANN JOO RESOURCES
BERHAD**

No. Pendaftaran: 199501041948 (371152-U)

POLISI KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN

(VERSI 1/2024)

1. TUJUAN

Kumpulan Ann Joo, yang terdiri daripada *Upstream Steel Division*, *Downstream Steel Division*, dan *Green Technology Division*, menghargai dan menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman bangsa yang bekerja dengan kami di tempat kerja. Kepelbagaian dan keterangkuman adalah selaras dengan nilai teras kami iaitu integriti dan kerendahan hati yang membimbing perniagaan dan operasi rantai nilai kami.

- 1.1. Kami berusaha untuk mengekalkan tempat kerja bebas daripada diskriminasi atau gangguan atas alasan jantina, bangsa, umur, agama, pribumi, orientasi seksual, ketidakupayaan, asal-usul sosial dan etnik. Asas perekrutan dan pemilihan pekerja adalah kelayakan, kemahiran dan pengalaman. Setiap pekerja mempunyai peluang yang sama dari segi pembelajaran dan pembangunan kerjaya. Kami memberikan pekerja kami dengan waktu kerja yang adil, layanan yang adil, pampasan dan faedah yang adil, serta pembayaran gaji yang adil.
- 1.2. Kami memupuk suasana pekerjaan yang menghargai dan memanfaatkan pelbagai latar belakang, pengalaman dan idea-idea pekerja kami untuk memperkembang Kumpulan Ann Joo dan menjaga keharmonian komuniti yang kami berkhidmat.
- 1.3. Kami menghargai keterbukaan dan rasa hormat terhadap semua, tanpa bertoleransi terhadap sebarang diskriminasi, penganiayaan, ancaman, ugutan atau gangguan di tempat kerja. Kami berusaha untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dan terjamin bagi semua pekerja.

Polisi ini diwartakan kepada semua pekerja, pengarah dan rakan perniagaan Kumpulan Ann Joo.

Kami berhak untuk mengambil tindakan yang diperlukan sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap polisi ini atau sebarang layanan yang tidak adil atau diskriminasi yang menyalahi undang-undang.

Polisi ini akan disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kekeliruan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.